Sinar Harian 9/8/2018 m/s 37

# Penyu mati akibat kipas bot

**KEMAMAN** - Kematian seekor penyu yang bangkainya dijumpai terdampar di Pantai Kuala Kerteh tiga hari lalu dipercayai akibat terkena kipas bot.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali berkata, sehingga kini sebanyak 46 ekor kematian penyu direkodkan berlaku sepanjang tahun ini.

"Bagaimanapun peratus kematian penyu yang direkodkan itu masih lagi rendah iaitu kira-kira 0.0167 peratus.

"Untuk mengatasi kes ini, tindakan kita teruskan seperti biasa dengan memberi kesedaran kepada nelayan dan mempertingkatkan lagi penguatkuasaan," katanya.

Kata beliau, hasil penguatkuasaan yang dilakukan, sehingga sekarang pihaknya berjaya merampas sebanyak 23 bidang pukat pari.

Penggunaan pukat pari di kawasan pesisir pantai merupakan salah satu punca utama kematian penyu yang direkodkan.

Dalam pada itu, Zawawi memberitahu bahawa penyu yang ditemui mati di Pantai Kuala Kerteh itu adalah penyu betina yang dipercayai sudah matang dan berusia lingkungan umur 15 hingga 20 tahun.

Penyu malang dari spesies agar itu dipercayai menghampiri pantai untuk bertelur.

*Sinar Harian* semalam melaporkan seorang lelaki menjumpai bangkai penyu itu yang sudah reput ketika datang ke pantai berkenaan untuk bersiar-siar dan bersantai.



**Bangkai penyu reput ditemui**

Laporan akhbar semalam mengenai bangkai penyu reput ditemui di Pantai Kuala Kerteh.